

Contohi sistem keamanan, keselamatan ASEAN – PM

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 5 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyarankan supaya sistem keamanan dan keselamatan yang diamalkan oleh ASEAN selama ini turut diguna pakai di rantau Asia Pasifik.

Perdana Menteri berkata, saranan itu dibuat memandangkan wujud persamaan antara ASEAN dan Asia Pasifik dalam menguruskan isu-isu keamanan dan keselamatan.

“Pengalaman ASEAN boleh turut membantu kita di rantau Asia Pasifik yang lebih luas dalam memastikan keselamatan yang terkawal,” katanya dalam ucapan bertajuk ‘Ke Arah Keselamatan Bersama di Rantau Asia Pasifik’.

Ucapan itu disampaikan pada perbincangan Meja Bulat Asia Pasifik anjuran Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) Malaysia dan ASEAN di sini.

Turut hadir ialah Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah dan Pengerusi ASEAN-ISIS serta Pengerusi ISIS Malaysia, Datuk Seri Jawhar Hassan.

Perdana Menteri berkata, ASEAN telah mengambil langkah berani dengan mengiktiraf bahawa masa depan negara-negara anggotanya saling berkait rapat dan saling memerlukan.

Kebergantungan itu, kata Abdullah, telah menghasilkan satu sistem untuk mengendalikan keamanan dan keselamatan secara kerjasama dalam rangka kerja lebih luas walaupun masih tidak sempurna.

Katanya, masih ada unsur kesangsian selain perbezaan pendapat antara sesama negara di rantau ASEAN.

“Ada sedikit unsur kurang percaya. Adakalanya berlaku perbezaan pendapat. Kadangkala kapal tentera laut sesebuah negara dikerahkan di perairan yang dipertikaikan.

“Ada yang merasakan mereka perlu mendapat jaminan mengenai keselamatan mereka dengan menjalin kerjasama dengan kuasa asing.

“Tetapi setelah mengambil kira semua ini, rangka kerja dalam ASEAN telah berjaya dalam tugasnya. Ia membantu membawa kestabilan dan ketenteraman di rantau ini,” jelasnya.

Perdana Menteri berkata, hasil semangat setia kawan dan kepercayaan dalam kalangan negara anggota ASEAN, banyak pertikaian wilayah diselesaikan menerusi perbincangan atau penyelesaian undang-undang.

“Malah pertikaian yang berlaku tidak dijadikan alasan untuk memperkuat tentera secara besar-besaran manakala apa yang dikatakan sebagai perang langsung tidak ada dalam fikiran pemimpin negara ASEAN,” tegas Abdullah.



ABDULLAH Ahmad Badawi menyatakan sesuatu kepada Raja Nazrin Shah sebelum memberi ucapan pada Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-21 di Hotel Nikko semalam.

Perdana Menteri berpendapat ASEAN berada dalam keadaan aman kerana 40 tahun yang lampau semua pemimpin rantau itu telah membuat pilihan yang tepat dan mengambil jalan yang sama dalam mengekalkan keamanan.

“Peluang membuat pilihan serupa turut terbuka kepada negara-negara di Asia Pasifik. Saya fikir negara ASEAN telah membuat pilihan yang tepat kerana pertimbangan mereka terhadap keselamatan sangat tenang dan mantap.

“Kita tidak membesar-besarkan ancaman dan tidak bertindak keterlaluan kepada ancaman yang dibesar-besarkan. Kita lihat berlaku persaingan antara kuasa-kuasa besar dan memilih untuk tidak terlibat sama dalam persaingan itu,” ujarnya.

Abdullah berkata, ASEAN memilih untuk berbincang dengan kuasa besar bagi mencapai keamanan dan kemakmuran bersama serta memberi keutamaan kepada penglibatan dalam bidang politik dan ekonomi, walaupun tidak dalam keselamatan.

“Namun begitu, apabila perbincangan

Pengalaman ASEAN boleh turut membantu kita di rantau Asia Pasifik yang lebih luas dalam memastikan keselamatan yang terkawal

ABDULLAH
AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

terhadap isu-isu keselamatan diadakan, ia akan turut mengambil kira kerjasama dan faedah untuk semua negara ASEAN.

“Apabila kita berbincang mengenai keselamatan, kita pastikan ia berkaitan dengan kerjasama keselamatan yang melibatkan semua.

“Penglibatan seperti ini membawa manfaat besar bukan saja kepada ASEAN tetapi juga kepada seluruh rantau ini,” kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, ASEAN mengekalkan perjanjian keselamatan dan kerjasama ketenteraan sedia ada kerana ia sudah terjalin sejak dahulu dan tidak perlu ditamatkan.

“Kita akui banyak daripada kita masih kekurangan dalam banyak bidang termasuk kemampuan ketenteraan. Oleh itu, kita tidak mempersoal atau cuba menghalang pihak lain untuk mendapatkan apa yang kita sendiri fikir sesuai untuk kita,” tambah beliau.

Katanya, para pemimpin Asia Pasifik boleh mencontohi semangat membina yang diamalkan dalam ASEAN.

Malah Abdullah berpendapat rantau ini boleh melakukan banyak lagi perkara yang boleh membina asas kukuh untuk menjamin keamanan, kestabilan dan kemakmuran.

“Terpulang kepada kita untuk membuat pilihan,” katanya.